

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH : 28 NOVEMBER 2019

SOALAN

minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapa banyak serta berapa jumlah '*project value*' kesemuanya telah diluluskan untuk Sarawak tetapi telah dibatalkan oleh Kerajaan PH. Senaraikan nama, lokaliti, dan anggaran kos projek-projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak membatalkan atau menangguhkan sebarang projek pembangunan yang melibatkan kepentingan rakyat Sarawak. Bagi tempoh Rolling Plan Keempat, 2019 sebanyak 563 buah projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan dengan peruntukan sebanyak RM4.3 billion di negeri Sarawak. Manakala bagi tahun 2020 sebanyak 621 projek telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM4.4 bilion. Projek-projek ini adalah projek yang meliputi pelbagai sektor dalam bidang pengangkutan dan infrastruktur, bekalan air/elektrik luar bandar, pendidikan, keselamatan, sosial serta penyelidikan dan pembangunan.

Sekian, terima kasih.